

TRANSKRIP TEMU BUAL PELAJAR 3

Qur'ain, Verbatim Temubual Pelajar 3, SMK B, (02.07.2013), (5:35)

1 Q, TB, P3, SMK B, (02072013), (5:35)

2 **Pengkaji**

3 Assalamualaikum dan selamat pagi. Hari ini cikgu ingin menebual anda berkaitan
4 dengan alam sekitar. Apa yang anda faham tentang pendidikan alam sekitar?

5 **Pelajar**

6 Apa yang saya faham ialah Pendidikan Alam Sekitar ini berkaitan flora dan
7 fauna, cuaca, persekitaran, dan lain-lain.

8
9 **Pengkaji**

10 Bagaimanakah pula penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

11 **Pelajar**

12 Pendidikan Alam Sekitar **dimasukkan** ke dalam mata pelajaran Biologi, Sains,
13 BM, BI, Pendidikan Seni dan lain-lain. Semasa saya belajar mata pelajaran
14 ini, cikgu **selitkan** perkara-perkara yang berkaitan dengan alam sekitar.
15 Contohnya, semasa saya membuat karangan, cikgu meminta kami untuk
16 membuat karangan yang berkaitan dengan alam sekitar.

17
18 **Pengkaji**

19 Bagaimanakah anda belajar tentang pendidikan alam sekitar di rumah?

20 **Pelajar**

21 Di rumah, ibu bapa saya **menegaskan** saya supaya sentiasa menjaga persekitaran.
22 Setiap hujung minggu kami akan **bergotong-royong** untuk membersihkan kawasan
23 rumah. Kalau ada banyak kekotoran atau sampah sarap, ibu bapa kami mengharapkan
24 kami untuk membuangnya. Ibu bapa saya juga menegaskan tentang **betapa pentingnya**
25 **menjaga kebersihan mengikut ajaran** Islam.

26
27 **Pengkaji**

28 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
29 Sekitar di rumah?

30 **Pelajar**

31 Kekangan masa. Kerana ibu bapa sibuk bekerja hingga lewat malam dan tidak dapat
32 untuk meluangkan masa untuk mengajar kami tentang alam sekitar dengan lebih
33 mendalam.

34
35 **Pengkaji**

36 Di sekolah, bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa
37 pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas?

38 **Pelajar**

39 Untuk pembelajaran biologi, kami ada menjalankan eksperimen berkaitan dengan
40 pencemaran air. Cikgu juga ada mempertontonkan kepada kami video tentang alam
41 sekitar sebagai contoh jerebu yang berlaku beberapa hari yang lalu. Untuk

42 Mata pelajaran Pendidikan Seni pula, kami membuat bekas menyimpan alat-alat tulis
43 dari

43 barang-barang terpakai.

44

45 **Pengkaji**

- 46 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
Sekitar
- 47 semasa PdP di dalam kelas?
- 48 **Pelajar**
- 49 Banyak istilah yang saya tidak faham masa belajar mengenai alam sekitar contohnya
50 seperti eutrofikasi, kesan rumah hijau dan pemanasan global. Kadang-kadang saya
tidak
- 51 ingat kerana perkataan-perkataan yang digunakan agak sukar.
- 52
- 53 **Pengkaji**
- 54 Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa aktiviti ko-
55 kurikulum di sekolah?
- 56 **Pelajar**
- 57 Semasa aktiviti ko-kurikulum sekolah ada mengadakan **kempen** alam sekitar. Dalam
58 aktiviti tersebut, kami diberikan ceramah berkenaan dengan kepentingan alam sekitar
59 kepada manusia. Selain daripada itu, kelab pengguna telah mengadakan satu sudut **kitar**
60 **semula bahan** iaitu dengan meletakkan tiga tong sampah untuk mengasingkan bahan
61 bahan seperti kertas, kaca dan tin aluminium.
- 62
- 63 **Pengkaji**
- 64 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi semasa belajar tentang Pendidikan Alam
65 Sekitar dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah?
- 66 **Pelajar**
- 67 Semasa aktiviti kelab permainan bowling, Pendidikan Alam Sekitar kurang ditekankan,
68 kerana ianya dimainkan di satu tempat tertutup.
- 69
- 70 **Pengkaji**
- 71 Selain dari pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta melalui aktiviti ko-
72 kurikulum, apakah cara lain anda dapat mempelajari Pendidikan Alam Sekitar di
sekolah?
- 73 **Pelajar**
- 74 Semasa perhimpunan pagi, cikgu selalu menegur kami mengenai kebersihan contohnya
75 kebersihan kelas, kebersihan kantin dan kebersihan tandas.
- 76
- 77 **Pengkaji**
- 78 Pada pandangan anda, adakah pendidikan alam sekitar yang ada sekarang ini memadai
79 untuk kesejahteraan hidup di masa akan datang? Terangkan.
- 80 **Pelajar**
- 81 Tidak memadai kerana saya perhatikan masih banyak masalah alam sekitar yang wujud
82 disebabkan oleh perbuatan manusia mencemarkan alam sekitar seperti merokok di
83 tempat terbuka, membuang sampah di merata tempat, membuang sampah di sungai
84 walaupun di sekolah telah mengadakan kempen alam sekitar agaknya kita perlu kuat
85 kuasakan undang undang tentang alam sekitar. contohnya selain daripada denda yang
86 ada sekarang, mungkin hukuman penjara dapat mengurangkan masalah alam sekitar.